

UMS adakan Kolokium Pascasiswazah 2018

Nst 6.4.2018 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah menerusi Pusat Pengajian Pascasiswazahnya (PPPS) mengadakan Kolokium Pascasiswazah UMS 2018 berlangsung di Bangunan Pascasiswazah pada Rabu.

Kolokium yang disertai oleh 75 pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah ini mempunyai matlamat serampang dua mata. Pertama, bertindak sebagai medan untuk menilai kemajuan pengajian para pelajar pascasiswazah UMS yang terdiri daripada penerima-penerima Skim Bantuan Pascasiswazah UMS yang masih aktif.

Kedua, memberi keyakinan kepada para pelajar terlibat membuat pembentangan mengenai kajian mereka dalam persidangan peringkat fakulti, kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, para pelajar juga boleh menjadikan pengalaman itu untuk memperbaiki cara atau kaedah penyampaian mereka ketika berkongsi hasil penyelidikan dengan masyarakat umum kelak menerusi pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS Prof Dr Hajah Arsiyah Hj Bahron, berharap agar menerusi Kolokium Pascasiswazah ini, para pelajar dapat berkongsi bersama para pelajar lain mengenai cabaran-cabaran yang mereka hadapi dan amalan-amalan positif yang mereka lakukan dalam usaha menyiapkan kajian yang sedang mereka jalankan.

Pesanan Prof Dekan ini disampaikan oleh Dr Jakaria Dasan, Timbalan Dekan Kebajikan Pelajar PPPS, ketika menyempurnakan pembukaan

Kolokium tersebut.

Kolokium ini dikendalikan dalam dua sesi (Sains dan Sains Sosial) secara serentak. Prof Madya Dr Fauziah Sulaiman (Timbalan Dekan Akademik & Antarabangsa) mempengerusikan pembentangan para pelajar aliran Sains, manakala, Dr Jakaria Dasan (Timbalan Dekan Kebajikan Pelajar) untuk aliran Sains Sosial.

Selain berupaya menjelaskan hasil kajian mereka selama tiga minit untuk kajian yang dijalankan dan tiga minit lagi untuk kemajuan pengajian mereka, setiap peserta diminta untuk menggunakan penyampaian yang ringkas dan mudah difahami oleh masyarakat umum dan audien dari bidang yang berlainan.

Nor Asmidayu Mohamad Fauzi pelajar Doktor Falsafah dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan bersyukur kerana beliau dapat meningkatkan keyakinan diri untuk memperbaiki cara pembentangan beliau di pelbagai konferen yang akan dihadiri kelak. Ini adalah kerana beberapa tips pembentangan yang baik telah dikongsikan oleh para peserta selain tips yang diberikan oleh pengerusi pembentangan.

Masran Tamin (pelajar Doktor Falsafah) dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan pula terasa lebih bermotivasi untuk memastikan beliau kekal dalam momentum kejayaan dalam pengajian beliau selepas mendengar perkongsian yang disampaikan oleh rakan-rakan pelajar.

Khasidah Kamarudin, pelajar Sarjana Fakulti Sains dan Sumber Alam, berasa seronok dengan



PROF Dr Hajah Arsiyah (tengah) bersama Zakaria (dua kanan) bersama pelajar selepas penyampaian skim Bantuan Pascasiswazah .

kaedah pembentangan yang digunapakai dalam Kolokium tersebut. Para peserta hanya menggunakan satu slide yang ringkas tetapi padat dengan maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Secara tidak langsung, beliau lebih fokus berinteraksi dengan audien.

Skim Bantuan Pascasiswazah UMS merupakan satu dana khas yang disediakan oleh UMS bagi membantu pengajian para pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah mengikut syarat-syarat ter-

tentu.

Para pelajar boleh memohon skim ini pada semester dua pengajian dan hendaklah mendaftar dalam mod sepenuh masa serta tidak mendapat bantuan atau tajaan kewangan dari mana-mana pihak atau institusi. Bagi memastikan kelancaran pengajian para penerima biasiswa ini, maka PPPS mengambil inisiatif menganjurkan dan melaksanakan Kolokium Pascasiswazah UMS setiap tahun.